

15/05/1999

Tan dakwa Jomo berniat jahat

Khairul Bahri Basaruddin

KUALA LUMPUR, Jumaat - Pengerusi dan Ketua Eksekutif Kumpulan Berjaya Berhad, Tan Sri Vincent Tan Chee Yioun, mendakwa Profesor Jomo Kwame Sundram berniat jahat ketika menulis artikel dalam sebuah akhbar yang memfitnahnya.

Tan berkata, walaupun Prof Jomo mengetahui dakwaan dalam artikel itu tidak benar, beliau terus menulis dan menerbitkan dakwaan itu dengan menyerang perwatakan dan kejujurannya.

Beliau berkata demikian dalam jawapan kepada pembelaan Prof Jomo yang menghadapi saman malu RM250 juta bersama empat yang lain daripadanya berhubung satu artikel yang disiarkan oleh akhbar Asian Wall Street Journal (ASWJ).

Pada 2 Februari lalu, Tan menyaman Prof Jomo bersama Penerbit AWSJ, Dow Jones Publishing Company (Asia) Inc.; Pengarang AWSJ, Reginald Chua; Penerbit dan Pengarang Eksekutif AWSJ, Urban C Lehner dan Dow Jones And Company Inc., penerbit laman web <http://nrstgls.djnr.com/cgi-bin/DJInteractive-Page> sebagai defendan.

Tan berkata, Prof Jomo tidak memberinya peluang untuk mengulas dan menjawab tuduhan dalam artikel itu sebelum diterbitkan oleh akhbar dan laman web itu.

Katanya, peguam cara beliau ada menghantar surat tuntutan kepada Prof Jomo pada 24 Disember tahun lalu tetapi Profesor Ekonomi di Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran Universiti Malaya itu enggan membuat pembetulan serta memohon maaf.

Selain itu, Tan berkata, Prof Jomo tidak boleh menggunakan peruntukan Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan iaitu kebebasan bersuara sebagai satu pembelaan.

Menurutnya, kebebasan bersuara mengikut peruntukan perlembagaan itu tertakluk kepada undang-undang fitnah dan Prof Jomo tidak menikmati sebarang perlindungan bersyarat dalam pembelaannya.

Tan berkata, Prof Jomo tidak menjalankan tugas undang-undang, sosial atau moral untuk membuat dakwaan fitnah seperti yang dinyatakan dalam pernyataan tuntutan.

Dalam saman malunya, Tan mendakwa defendan memfitnahnya menerusi artikel bertajuk: Malaysia Props Up Crony Capitalists dan ia diterbitkan oleh AWSJ pada halaman 10, 21 Disember tahun lalu.

Kata Tan, kandungan artikel itu memfitnahnya apabila ditonjolkan perkataan mengenai cara perniagaan dan tingkah laku beliau.

Menurutnya, perkataan yang didakwa memfitnahnya diterbitkan bukan saja di negara ini malah di Australia, Bangladesh, Brunei, China, Guam, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Pakistan, Filipina, Singapura, Sri Lanka, Taiwan, Thailand dan Vietnam.

Tan mendakwa, perkataan itu diterbitkan secara berterusan oleh defendan kedua hingga kelima dalam laman web berkenaan yang boleh diperolehi oleh pengguna Internet seluruh dunia.

Beliau mendakwa, kandungan artikel itu membawa maksud bahawa beliau tidak sepatutnya diberi satu kontrak untuk membina monorel oleh Kerajaan Malaysia dan projek pembangunan Linear City hanya kerana beliau seorang kroni Kerajaan.

Selain itu, beliau memohon perintah menghalang defendan atau wakil mereka daripada terus menerbitkan perkataan yang sama untuk memfitnahnya.

Dalam pembelaannya, Prof Jomo mendakwa artikel tulisannya mempunyai

perlindungan bersyarat dan dilindungi Perlembagaan Persekutuan.

Prof Jomo berkata, beliau menulis artikel itu berdasarkan maklumat yang diperolehi demi kepentingan awam dan menjadi tanggungjawabnya untuk menerbitkannya.

Katanya, Tan mempunyai hubungan baik dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan sering mengikuti rombongan Perdana Menteri untuk lawatan rasmi ke luar negara.

Katanya, Tan juga kawan rapat Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin sejak 1985 dan bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Tan memperolehi beberapa projek penswastan hasil daripada hubungan baiknya itu.

(END)